

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 15 FEB 2016

## MBSA sedia kenderaan percuma *5/2 kaka Set*

Berita gembira kepada golongan OKU, warga emas untuk klinik, hospital sekitar Lembah Klang

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan perkhidmatan pengangkutan secara percuma kepada golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di hospital dan pusat rawatan di sekitar Lembah Klang.

Kenderaan yang digunakan adalah sebuah van yang telah diubahsuai bersesuaian dengan keperluan golongan OKU serta sebuah kenderaan MPV.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, penyediaan perkhidmatan pengangkutan ini merupakan tanggungjawab sosial dan keprihatinan MBSA bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan ke pusat rawatan dan hospital berikutan keperluan penyediaan perkhidmatan pengangkutan kepada golongan OKU serta warga emas adalah terhad dan sukar didapati.

Menurutnya, penggunaan kenderaan ini adalah khusus untuk warga Shah Alam sahaja yang terdiri daripada warga emas berumur 60 tahun ke atas serta golongan OKU kecacatan fizikal serta yang berkerusi roda.

"Kenderaan ini dilengkapi dan disesuaikan untuk kegunaan golongan OKU dengan kemudahan 'tail lift' yang boleh menampung seseorang yang berkerusi roda.

"Kenderaan komuniti ini juga boleh memuatkan dua penumpang dan seorang pemandu, ini kerana ruang bahagian kenderaan tersebut dikosongkan dan dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti tali pinggang bertujuan untuk memastikan kerusi roda tidak bergerak semasa kenderaan berjalan," katanya dalam satu kenyataan.

Perkhidmatan kenderaan komuniti ini adalah untuk mereka yang ingin mendapatkan rawatan di hos-

pital atau klinik di sekitar Shah Alam dan Lembah Klang sahaja seperti Hospital Shah Alam, Seksyen 7, Shah Alam, Klinik Kesihatan Seksyen 19, Shah Alam, Klinik Kesihatan Bukit Kuda, Klang, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Petaling Jaya, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Sungai Buloh.

Kenderaan komuniti ini akan beroperasi pada hari setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula pada jam 8.00 petang hingga 5.00 petang (waktu pejabat).

Tempahan boleh dibuat seminggu sebelum penggunaan perkhidmatan ini dengan menghubungi Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Komuniti, MBSA di talian 03-55222742 dan 03-55114246 atau email [kep.komuniti@mbsa.gov.my](mailto:kep.komuniti@mbsa.gov.my).



Van berkenaan diubahsuai bagi memudahkan pengguna OKU.